

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

ACW261 - PERAKAUNAN SEKTOR AWAM

Masa: [3 jam]

ARAHAN:

Sila pastikan bahawa kertas soalan mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. a) Apakah yang anda faham dengan istilah **Akaun Awam** ?
[4 markah]

- b) Akta Acara Kewangan (1957) mentafsirkan "**tahun kewangan**" adalah satu jangkawaktu dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember dalam mana-mana tahun. Mengikut asas perakaunan tunai ubahsuai, pembayaran bagi bekalan dan perkhidmatan tahun lalu masih boleh dibayar sehingga 31 Januari tahun berikutnya. Jelaskan mengapa ia boleh dilakukan.
[5 markah]

- c) Dalam penyediaan Akaun Awam, dasar perakaunan Kerajaan Persekutuan adalah berasaskan dua konsep penting yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu Fasal 97 dan Fasal 104. Huraikan kedua-dua fasal tersebut.
[7 markah]

- d) Berdasarkan maklumat berikut, sediakan **Lembaran Imbangan Kerajaan Persekutuan** bagi tahun kewangan 1995.
 - i) Jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus bagi tahun 1995 adalah sama iaitu RM 65.736 bilion, dan bagi 1994 kedua-duanya RM 58.280 bilion. Baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan pada 1 Januari 1994 adalah RM 11.863 bilion.

...2/-

- ii) Baki Akaun Pinjaman bagi tahun 1995 adalah RM 1.165 bilion dan bagi tahun 1994 adalah RM 3.371 bilion.
- iii) Baki Akaun Wang Tunai adalah seperti berikut:

	1995 (RM)	1994 (RM)
wangtunai dalam tangan	3 juta	2 juta
wangtunai dalam perjalanan	150 juta	227 juta
wangtunai dalam bank	14.28 bilion	11.047 bilion

- iv) Baki akaun pelaburan bagi 1995 dan 1994 adalah RM11.924 bilion dan RM 9.512 bilion.
- v) Baki kumpulan wang akaun-akaun amanah adalah seperti berikut:

	1995 (RM) bilion	1994 (RM) bilion
Kumpulan Wang Pembangunan	(8.049)	(13.181)
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	.014	.137
Kumpulan Amanah Kerajaan	13.393	11.252
Kumpulanwang Amanah Awam	1.205	1.210
Deposit	2.372	2.063
Akaun Kena Bayar	4.422	4.073

[14 markah]

2. a) Salah satu dari teori ekuiti yang diamalkan oleh organisasi bukan bertujuan keuntungan ialah teori dana yang diutarakan oleh William Vatter. Jelaskan apa yang anda faham tentang teori ini.

[4 markah]

- b) Perlembagaan Persekutuan/Negeri menyatakan perlunya segala hasil dan wang yang diperolehi atau diterima **selain** dari Zakat, Fitrah dan Baitulmal dan lain-lain hasil di bawah urusan agama Islam, dibayar masuk ke dalam Dana Disatukan Persekutuan/Negeri. Begitu juga sebarang wang tidak boleh dikeluarkan dari Dana Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan oleh badan perundangan, **kecuali** perbelanjaan tanggungan (caj). Sejauh manakah anda dapat kaitkan dana ini dengan teori ekuiti di atas.

[6 markah]

...3/-

- c) Akta Kumpulan Wang Bekalan Air Negeri 1980 (Tatacara Kewangan dan Perakaunan) telah diluluskan oleh Parlimen dan berkuatkuasa pada 12 Jun 1980. Ianya kemudian telah diterimapakai oleh beberapa negeri dengan kelulusan enakmen yang berkaitan. Sebahagian dari Seksyen 8(1) di bawah akta tersebut berbunyi demikian; “ **Buku dan akaun Jabatan Bekalan Air perlulah diselenggarakan mengikut prinsip dan amalan perakaunan yang diterima umum.** ”

Nyatakan kesan dari menerimapakai akta tersebut dengan membuat **perbandingan** di antara amalan perakaunan **Kerajaan Negeri** dan amalan perakaunan di **Jabatan Bekalan Air** bagi perkara-perkara berikut:

- i) sebagai **unit pelaporan** (reporting unit)
- ii) **asas perakaunan** digunakan
- iii) catatan **aset tetap**
- iv) pengiktirafan **hasil**
- v) merekod **liabiliti**

[10 markah]

3. a) Klasifikasi dan pengkodan merupakan aspek penting dalam merekabentuk dan membangunkan sistem maklumat perakaunan kerajaan. Huraikan secara ringkas **apa** yang dimaksudkan dengan klasifikasi dan pengkodan dan apakah **tujuannya** ?

[4 markah]

- b) Nyatakan sejauh mana sistem klasifikasi dan pengkodan Kerajaan Persekutuan masakini dapat menepati keperluan pengesanan **pengamanahan**(stewardship) dan **akauntabiliti**.

[8 markah]

4. a) Undang-undang Kecil (Kewangan dan Akaun) Kerajaan Tempatan memperincikan keperluan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 berhubung dengan pentadbiran kewangan dan perakaunan penguasa tempatan. Anda diminta memberi penjelasan terhadap **tiap satu** peraturan yang berikut:

- i) Perakaunan Majlis hendaklah menggunakan konsep perakaunan kumpulan wang dan mengamalkan asas akruan.

[3 markah]

- ii) Jika terdapat lebih dari satu kumpulan wang, maka satu Lembaran Imbangan bagi kumpulan wang yang disatukan hendaklah disediakan dan Lembaran Imbangan bagi setiap kumpulan wang hendaklah disediakan untuk menyokong Lembaran Imbangan kumpulan wang yang disatukan tersebut.

[3 markah]

...4/-

- iii) Pemberian diterima dari Kerajaan Persekutuan/Negeri bagi maksud membolehkan Majlis menjalankan atau melabur dalam projek-projek tertentu hendaklah dikreditkan kepada akaun kumpulan wang modal.

[3 markah]

- iv) Pemberian diterima dari Kerajaan Persekutuan/Negeri bagi maksud membolehkan Majlis mendapat atau memperolehi aset maka hendaklah diambilkira sebagai pemberian tertunda dan diselaraskan ke akaun hasil setiap tahun berdasarkan kepada amaun susutnilai tahunan aset tersebut.

[3 markah]

- b) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan), 1980 (Akta 240) telah dikuatkuasakan kepada semua badan berkanun Persekutuan. Pada pendapat anda apakah implikasi-implikasi perakaunan kepada badan-badan berkanun Persekutuan. Bincangkan.

[8 markah]

5. a) Apakah yang anda faham tentang Sistem Belanjawan Program dan Prestasi (SBPP)? Mengapakah kerajaan memperkenalkan Sistem Belanjawan Ubahsui (SBU) kemudiannya ?

[6 markah]

- b) Sebagai satu teknik kawalan belanjawan, buku vot wajib diselenggarakan di setiap pusat tanggungjawab. Terdapat beberapa bentuk urusan yang direkod dalam buku tersebut, antaranya **komitmen**(commitment), **viremen**(virement) dan **perbelanjaan kredit**(credit expenditure). Jelaskan ketiga-tiga bentuk urusan tersebut.

[6 markah]

- c) Dalam merekabentuk sistem maklumat perakaunan kerajaan, perakaunan belanjawan perlu diambilkira sebagai salah satu komponen pelaporan. Pada pendapat anda sejauhmana ia dapat membantu dalam aspek-aspek berikut:

- i) kawalan peruntukan
- ii) prestasi perbelanjaan
- iii) pengukuran pelaksanaan program

[6 markah]

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

ATW122 - KAEDAH KUANTITATIF

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja. Soalan 1 dan 2 adalah **WAJIB**. Pilih dan jawab **TIGA** soalan yang lain.

1. Berikut adalah skor dari satu sampel kajian secara rambang yang mengukur paras kepuasan bekerja di barisan pemasangan utama di sebuah kilang pemasangan kereta di Shah Alam. Para pekerja diminta memberi skor dari 0 hingga 100 di mana skor yang besar menunjukkan paras kepuasan yang tinggi.

84	81	80	78	81	53	48	61
82	56	64	62	48	64	53	74
63	57	55	79	51	40	41	57
88	60	59	83	50	52	59	61
53	37	63	64	70	51	67	71

- a) Bina satu jadual kekerapan dan kekerapan relatif dengan sempadan bawah bagi kelas pertama bermula dengan 35.0 dan lebar bagi setiap kelas ialah 11.

[10 markah]

- b) Bina satu histogram, poligon kekerapan serta ogif kekerapan “kurang dari”.

[10 markah]

...2/-

2. a) Seorang jurujual komputer menerima gaji asas sebanyak RM1000 sebulan dan komisen 6% bagi kesemua jualan yang melebihi RM10000 pada bulan tersebut. Sebagai contoh jika jualan mencapai jumlah RM12000 maka komisen 6% dikira dari tambahan jualan RM2000 sahaja dan bukan dari RM12000 secara keseluruhan. Jika jualan bulanan mencapai paras RM20000 atau lebih, jurujual akan juga menerima RM600 sebagai bonus tambahan. Andaikan $P(j)$ yang mewakili pendapatan jurujual bagi sesuatu bulan yang mana berkaitan dengan fungsi jualan bulanan (j).
- Lukiskan graf $P(j)$ bagi $0 \leq j \leq 30000$
 - Cari had $P(j)$ dan nilai $P(10000)$
 $\lim_{j \rightarrow 10000}$
 - Cari had $P(j)$ dan nilai $P(20000)$
 $\lim_{j \rightarrow 20000}$
 - Adakah P selanjur pada $j = 10000$ dan pada $j = 20000$?
- b) Sebuah syarikat bercadang untuk mengeluarkan dan memasarkan sejenis kipas dinding yang baru. Setelah menjalankan kajian pasaran, jabatan penyelidikannya telah menyediakan anggaran berikut: permintaan bulanan 200 unit pada harga RM75 seunit dan permintaan bulanan 300 unit pada harga RM60. Jabatan kewangan menganggarkan kos tetap bulanan sebanyak RM1500 dan kos berubah pada kadar RM10. Andaikan x mewakili kuantiti.
- Andaikan persamaan permintaan (demand equation) bersifat linear. Gunakan anggaran di atas bagi mendapatkan persamaan permintaan.
 - Cari persamaan hasil dalam bentuk x
 - Andaikan persamaan kos (cost equation) bersifat linear. Gunakan anggaran di atas bagi mendapatkan persamaan kos.
 - Cari persamaan keuntungan dalam bentuk x
 - Cari nilai keuntungan sut pada tahap $x = 250$ unit dan $x = 800$ unit serta jelaskan maksud jawapan tersebut.

[20 markah]

3. Berdasarkan jadual kekerapan berikut, cari perkara berikut menggunakan kaedah data terkumpul:

- | | |
|------------|--|
| (a) min | (d) sisihan piawai |
| (b) median | (e) pekali variasi |
| (c) mod | (f) komen tentang bentuk taburan data tersebut |

<u>Sempadan Kelas</u>	<u>Kekerapan</u>
28 - 40	8
40 - 52	13
52 - 64	25
64 - 76	20
76 - 88	19
88 - 100	5

[20 markah]

4. a) Berdasarkan setiap hipotesis nol yang di bawah, nyatakan sama ada pernyataan berikutnya termasuk dalam kategori Ralat Jenis I, Ralat Jenis II atau keputusan yang betul.
- i. H_0 : Sistem baru tidak lebih baik dari sistem lama
 - a. Terima pakai sistem baru bila ianya lebih baik.
 - b. Kekalkan sistem lama bila sistem baru lebih baik
 - c. Kekalkan sistem lama bila sistem baru tidak lebih baik
 - d. Terima pakai sistem baru bila sistem baru tidak lebih baik
 - ii. H_0 : Produk baru memuaskan
 - a. Perkenalkan produk baru bila ianya tidak memuaskan
 - b. Tidak perkenalkan produk baru bila ianya tidak memuaskan
 - c. Tidak perkenalkan produk baru bila ianya memuaskan
 - d. Perkenalkan produk baru bila ianya memuaskan
- b) Dalam proses pembungkusan serbuk pencuci pakaian berjenama Siakap, setiap bungkusan perlu mencapai berat sebanyak 5 kilogram (kg). Jika nilai min populasinya (μ) melebihi atau kurang dari berat tersebut maka mesin pembungkusan perlu diubahsuai. Pihak pengurusan telah membuat keputusan bahawa pengubahsuaian yang tidak perlu hanya berlaku tidak lebih dari 5% dari masa. Setiap hari satu sampel rawak mengandungi 100 kotak diambil dan berdasarkan berat min sampel satu keputusan mengenai pengubahsuaian mesin diambil. Andaikan \bar{X} adalah 5.1 kg dan $\sigma = 0.5$ kg. Apakah tindakan yang perlu diambil berdasarkan nilai sampel tersebut?

[20 markah]

5. a) Sekeping wang syiling yang seimbang dilambung sebanyak 7 kali. Tentukan kebarangkalian mendapat:
- i. betul-betul 2 kepala
 - ii. betul-betul 3 bunga
 - iii. tiada bunga
- b) Operasi pengeboman yang dilakukan oleh pesawat penyerang/pengebom Viggen buatan negara Sweden akan mengenai sasaran $\frac{2}{3}$ dari masa. Andaikan petugas-petugas tentera yang mengendalikan operasi pengeboman telah mengarahkan 4 buah pesawat jenis ini untuk memusnahkan satu kawasan musuh yang sangat penting di sebuah pulau. Tentukan peluang sasaran ini terkena bom sama ada dua atau tiga kali dengan andaian pengeboman yang dilakukan oleh setiap pesawat tidak bergantung antara satu sama lain.
- c) Anda telah ditawarkan untuk membeli sekeping tiket dengan harga RM15. Pembelian tiket tersebut akan melayakkan anda untuk memenangi tempat pertama yang bernilai RM24 dengan kebarangkalian menang $\frac{1}{12}$ atau tempat kedua yang bernilai RM20 dengan kebarangkalian menang $\frac{1}{6}$ atau tempat ketiga yang bernilai RM16 dengan kebarangkalian menang $\frac{3}{24}$ atau tempat keempat yang bernilai RM12 dengan kebarangkalian menang $\frac{1}{6}$ atau tempat kelima yang bernilai RM10 dengan kebarangkalian menang $\frac{5}{24}$.

Adakah anda akan membeli tiket tersebut? Berikan alasan anda.

[20 markah]

6. a) Syarikat Konon Instruments yang menghasilkan kamera video mempunyai keuntungan sut $(-0.005x + 40)$ ringgit seunit sebulan pada tahap pengeluaran x unit sebulan. Kos tetapnya adalah RM45000 sebulan. Pada tahap pengeluaran keberapakah syarikat ini akan mengalami keuntungan yang maksimum? Berapakah keuntungan maksimum bulanannya?
- b) Kadar perubahan unit harga p (dalam ringgit) bagi satu model radio keluaran syarikat Radio Elektronik Sdn. Bhd adalah seperti berikut:

$$p'(x) = \frac{-360x}{(28+x^2)^{3/2}}$$

di mana x mewakili kuantiti permintaan harian dalam ratusan ringgit. Cari fungsi permintaan bagi radio-radio tersebut jika kuantiti permintaan hariannya adalah 600 unit (dalam kes ini nilai $x = 6$) pada harga RM45 seunit.

- c) Selesaikan sistem persamaan linear berikut dengan menggunakan kaedah Penghapusan Gauss-Jordan.

$$\begin{aligned}x + y + z &= 200 \\40x + 60y + 80z &= 12600 \\20x + 25y + 40z &= 5950\end{aligned}$$

[20 markah]

Formula:

$$\bar{X} = \frac{\sum(fx)}{\sum f}$$

$$m_d = \left[\frac{(n+1)/2 - (F+1)}{f_m} \right] W + L_m$$

$$m_o = L_{mo} + \left[\frac{d_1}{d_1 + d_2} \right] W$$

$$s^2 = \frac{\sum(v - \bar{X})^2 f}{n - 1}$$

$$CV = \frac{S_x}{\bar{X}} 100$$

$$\bar{X} \pm Z_{\alpha/2} \frac{\sigma}{\sqrt{n}}$$

$$\bar{X} \pm t_{\alpha/2, n-1} \frac{\sigma}{\sqrt{n}}$$

$$\text{Binomial: } P(r) = \frac{n!}{r!(n-r)!} p^r q^{n-r}$$

$$\text{Poisson: } P(x) = \frac{\lambda^x e^{-\lambda}}{x!}$$

$$\text{Normal: } Z = \frac{x - \mu}{\sigma}$$

$$\mu = E(x) = \sum xp$$

$$\mu = E(x) = np$$

$$\sigma = \sqrt{npq}$$

$$P(A \text{ or } B) = P(A) + P(B) - P(AB)$$

$$P(A \text{ or } B) = P(A) + P(B)$$

$$P(AB) = P(A) \cdot P(B)$$

$$P(B | A) = \frac{P(BA)}{P(A)}$$

$$\text{If } f(x) = x^n \text{ then } f'(x) = nx^{n-1}$$

$$\text{If } f(x) = g(x) \cdot h(x) \text{ then } f'(x) = g(x) \cdot h'(x) + h(x) \cdot g'(x)$$

$$\text{If } f(x) = \frac{g(x)}{h(x)} \text{ then}$$

$$\frac{h(x) \cdot g'(x) - g(x) \cdot h'(x)}{[h(x)]^2}$$

$$\text{If } y = f(u) \text{ and } u = f(x)$$

$$\text{then } \frac{dy}{dx} = \frac{dy}{du} \cdot \frac{du}{dx}$$

$$\text{If } y = [f(x)]^2$$

$$\text{then } \frac{dy}{dx} = n[f(x)]^{n-1} [f'(x)]$$

$$\int x^n dx = \frac{x^{n+1}}{n+1} + c \quad \text{if } n \neq -1$$

$$\int (mx + b)^n dx = \frac{(mx + b)^{n+1}}{m(n+1)} + c$$